

**MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU
PAHANG**

**KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH,
JALAN ISTANA PERMAI,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.**

SEBUT HARGA

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT
OFFICE 365 BASIC* DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI
PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT
RESAM MELAYU PAHANG**

MUIP/SH/2026/001

SENARAI SEMAK

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA	1-3
2.	SYARAT-SYARAT AM	4-13
3.	SKOP KERJA DAN MAKLUMAT SPESIFIKASI	14
4.	LAMPIRAN Q – ARAHAN PERBENDAHARAAN 170	15-16
5.	JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI	17-18
6.	SURAT AKUAN PEMBIDA	19
7.	BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL	20
8.	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA	21
9.	MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PEMBEKAL	22-23
10.	SENARAI PENGALAMAN SYARIKAT	24
11.	SALINAN SIJIL-SIJIL DAN BORANG-BORANG PENDAFTARAN BERKAITAN	25
12.	SENARAI KERJA DALAM TANGAN	26
13.	SALINAN PENYATA AKAUN BANK BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR	27
14.	LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT/KEMUDAHAN KREDIT (JIKA ADA)	28
15.	SURAT SOKONGAN SEBAGAI PENGELUAR/ PRINSIPAL/ PENGEDAR TUNGGAL / EJEN YANG SAH	29
16.	SENARAI AHLI PASUKAN PERKHIDMATAN	30
17.	CADANGAN LATIHAN / TRANSFER OF TECHNOLOGY (TOT)	31
18.	PROFIL SYARIKAT (TERKINI)	32

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC*
DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

Dokumen berikut hendaklah dikemukakan semasa penyerahan dokumen sebut harga.
Sila tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK DITANDA OLEH J/K PEMBUKA PETI SEBUT HARGA
1.	Lampiran Q (AP No. 170)		
2.	Jadual Pematuhan Spesifikasi		
3.	Surat Akuan Pembida		
4.	Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial		
5.	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa		
6.	Maklumat Am Latar Belakang Pembekal		
7.	Senarai Pengalaman Syarikat		
8.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia beserta Kod Bidang Yang Didaftarkan (MOF). *KOD BIDANG : 210103		
	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).		
	Salinan Sijil Pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) , atau Borang D atau Borang E atau Salinan Sijil Pendaftaran dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau Lesen Perniagaan yang berkaitan berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat . Bagi Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, Penyebut harga dikehendaki memajukan Borang 8 (Berhad) atau Borang 9 (Sendirian Berhad) ; Borang 24 ; dan Borang 49 SSM ; atau Carian SSM e-info .		
	Salinan Borang 13 SSM atau Carian SSM e-info sekiranya syarikat bertukar nama.		
	Salinan Sijil Pendaftaran Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP) dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), jika berdaftar.		

BIL.	PERKARA / DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK DITANDA OLEH J/K PEMBUKA PETI SEBUT HARGA
	Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate-TCC) , jika berdaftar		
	Salinan Resit Bayaran Zakat Perniagaan (Syarikat) Bagi Tahun (2025/2026)		
	Senarai Kerja Dalam Tangan		
9.	Penyata Bank bagi tiga (3) bulan : NOVEMBER 2025, DISEMBER 2025 dan JANUARI 2026.		
10.	Surat Pengesahan Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit daripada Bank/ Institusi Kewangan yang Diberi (JIKA ADA)		
11.	Surat Sokongan Sebagai Pengeluar/ Prinsipal/ Penedar Tunggal / Ejen Yang Sah		
12.	Senarai Ahli Pasukan Perkhidmatan		
13.	Cadangan Latihan / Transfer Of Technology (TOT)		
14.	Profil Syarikat (TERKINI)		

PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA	UNTUK KEGUNAAN MUIP
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : No. K.P: Tarikh :	Urusetia Perolehan mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil (jika ada). Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1.0 KENYATAAN TAWARAN

- 1.1 Tawaran sebut harga ini adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar zakat di Pusat Kutipan Zakat Pahang) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod bidang **210103**, dan berkelayakan serta berpengalaman untuk menyertai Sebut Harga bagi perkara berikut:

PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC* DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

- 1.2 Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (Majlis) adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.
- 1.3 Penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai sebut harga ini. Arahan-arahan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Khas yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan akan menyebabkan tawaran yang dikemukakan tidak diproses dan tidak dipertimbangkan.

2.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA.

- 2.1 Penyebut harga hendaklah **mengisi maklumat dengan tepat, lengkap dan jelas pada semua** dokumen sebut harga.
- 2.2 Lampiran-lampiran kewangan kepada dokumen sebut harga ini hendaklah **lengkap dan ditandatangani** (jika berkenaan) oleh pemilik syarikat atau mana-mana wakil yang diberi kuasa secara bertulis.
- 2.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas. Dokumen sebut harga yang dipinda atau diperbetulkan tanpa tandatangan ringkas **tidak akan dipertimbangkan**.

3.0 PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA

3.1 Tarikh tutup tawaran sebut harga adalah pada **16 FEBRUARI 2026 JAM 12.00 TENGAHARI**. Dokumen sebut harga yang diterima selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan

3.2 Tawaran sebut harga yang telah lengkap di isi dengan sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** yang disediakan di alamat berikut:

**MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG,
KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH,
JALAN ISTANA PERMAI
26600 PEKAN
PAHANG DARUL MAKMUR.**

3.3 Dokumen sebut harga hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos ke alamat yang telah ditetapkan pada atau sebelum tarikh dan waktu yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut Harga. Jika Dokumen sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier, Penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang alasan berkaitan kelewatan penghantaran dokumen sebut harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3.4 Majlis tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung, jika berlaku kelewatan, kehilangan atau lain-lain sebut harga dihantar. **Sebut harga yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.**

4.0 PENJELASAN MENGENAI DOKUMEN SEBUT HARGA

Sebarang pertanyaan berkenaan dokumen sebut harga boleh berhubung dengan pihak Majlis sepertimana maklumat berikut:

RUJUKAN BERKAITAN DOKUMEN SEBUT HARGA
UNIT ASET, STOR DAN PEROLEHAN
NO TEL : 09-4221311 sambungan 1062

RUJUKAN BERKAITAN SKOP KERJA DAN MAKLUMAT SPESIFIKASI
BAHAGIAN STRATEGI, TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
KORPORAT
PEGAWAI RUJUKAN: PUAN NURRUL SYAHIDA BINTI HASHIM
NO TEL : 09-4221311 sambungan 1058

5.0 TEMPOH PELAKSANAAN

Keseluruhan skop kerja perlu diselesaikan dalam tempoh sepertimana surat setuju terima (SST).

6.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh penyebut harga sendiri.

— t

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah diguna pakai, melainkan setakat mana-mana syarat syarat am itu ditolak atau diubah dengan khusunya oleh penyebut harga.

1. KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut harga adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang beralamat di **Negeri Pahang (keutamaan kepada Syarikat Bumiputera yang membayar Zakat dengan Pusat Kutipan Zakat Pahang) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di bawah kod 210103**

2. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU

- 2.1 Harga tawaran yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.
- 2.2 Penilaian harga adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, jumlah dalam bentuk perkataan akan diambilkira.
- 2.3 Harga-harga yang ditawarkan di dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama tempoh sah laku sebut harga. Penyebut harga yang berjaya ditawarkan sebut harga ini dikehendaki mematuhi syarat sepanjang masa kontrak ini berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan harga.
- 2.4 **Tempoh sah laku** harga tawaran hendaklah kekal selama **90 hari** dari tarikh tutup sebut harga dan sebarang **tuntutan kenaikan harga** dalam jangka masa sah laku harga tawaran **tidak akan dilayan**.
- 2.5 Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang **tidak akan melayan tuntutan** bagi **bayaran tambahan harga** akibat dari perbezaan antara tafsiran pembekal dengan tafsiran Jabatan mengenai spesifikasi yang ditetapkan.

3. BARANGAN

- 3.1 Semua bekalan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.
- 3.2 **SKOP KERJA** dan **MAKLUMAT SPESIFIKASI** bekalan hendaklah merujuk kepada **MUKA SURAT 14.**
- 3.3 Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

- 3.4 Penyebut Harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam tawaran ini.
- 3.5 Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

4. **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

- 4.2 Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

5. **LAWATAN TAPAK/TAKLIMAT (SEKIRANYA BERKENAAN)**

- 5.1 Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** bagi semua Penyebut Harga yang memasuki sebut harga ini. Kehadiran Penyebut Harga atau wakil akan dicatat. Tujuan diadakan taklimat/lawatan tapak adalah bagi membantu Penyebut Harga mendapat gambaran sebenar bagi membantu Penyebut Harga menentukan kadar harga tawaran yang sepatutnya

6. **PEMERIKSAAN**

- 6.1 Majlis sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan; dan
- 6.2 Perakuan penerimaan hanya akan dibuat setelah perkhidmatan/pembekalan tersebut telah siap dan diperiksa sepenuhnya oleh pegawai Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang dilantik/diberi kuasa
- 6.3 Pegawai yang dilantik tersebut berhak membuat penolakan ke atas bekalan/perkhidmatan yang tidak menepati keperluan sepertimana spesifikasi bekalan/perkhidmatan dalam dokumen sebut harga. Penyebut harga juga hendaklah menyempurnakan bekalan/perkhidmatan yang ditolak tersebut. Kos perbelanjaan yang berkaitan hendaklah ditanggung sendiri oleh penyebut harga.

7. **PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan sebut harga ini.

8. PENOLAKAN

- 8.1 Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak
- 8.2 Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu, dan
- 8.3 Fasal-kecil (8.1) dan (8.2) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak
- 8.2 Bagi kerja-kerja yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan penyebut harga seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau seumpama, Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang boleh membenarkan pelanjutan tempoh kerja-kerja tersebut dengan syarat penyebut harga perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan

9. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang tidak terikat menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga yang tidak berjaya.

10. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana penyebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang terlebih dahulu.

11. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

12. INSURAN

Tiada apa-apa insuran atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

13. HAK MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG UNTUK MENERIMA DAN MENOLAK TAWARAN SEBUT HARGA

- 13.1 Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang diterima.
- 13.2 Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang juga berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan cadangan dalam tawaran sebut harga.
- 13.3 Keputusan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang adalah MUKTAMAD dan pihak Majlis tidak akan teragak- agak untuk memberi apa-apa alasan bagi penolakan mana-mana sebut harga.

14. SURAT SETUJU TERIMA (LOA)

- 14.1 Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang akan memberi notis bertulis kepada penyebut harga yang berjaya melalui surat setuju terima (LOA)
- 14.2 Dengan perakuan ke atas surat setuju terima (LOA) tersebut, satu kontrak yang mengikat terbentuk antara Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan penyebut harga yang berjaya tanpa mengambil kira sama ada dokumen kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

15. KONTRAK/ SUB-KONTRAK DAN MENYERAH HAK BEKALAN

- 15.1 Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen sebut harga ini adalah sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak.
- 15.2 Penyebut harga yang Berjaya yang telah mengikat kontrak dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dikehendaki membayar tuntutan ganti rugi sekiranya didapati penyebut harga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak dan disabitkan kesalahan.
- 15.3 Penyebut harga tidak dibenarkan mengesub-sewakan perkhidmatan kepada penyebut harga lain. Penyebut harga tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah kontrak ini tanpa dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang

16. DOKUMEN KONTRAK PERJANJIAN

16.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani satu Dokumen Kontrak Perjanjian sekiranya diminta oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang setelah Surat Setuju Terima (LOA) ditandatangani dengan sepenuhnya.

16.2 Dokumen Kontrak Perjanjian hendaklah disediakan dalam empat (4) salinan asal dan ditandatangani di ruangan yang telah ditetapkan serta segala kos berkaitan penyediaan Dokumen Kontrak Perjanjian seperti pengeseteman dan lain-lain, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.

17. BON PELAKSANAAN

Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dengan kadar peratus yang ditetapkan mengikut Perjanjian Setuju Terima seperti di bawah :

- i) Nilai lebih dari RM200,000.00 sehingga RM500,000.00, kadar peratusan Bon Pelaksanaan adalah sebanyak 2.5% ke atas jumlah harga tawaran. Manakala, bagi nilai lebih RM500,000.00. Bon Pelaksanaan sebanyak 5% dikenakan ke atas jumlah harga tawaran.
- ii) Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan berdasarkan format akan ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. Bon pelaksanaan akan dipulangkan kepada Penyebut harga selepas dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat tempoh kontrak dengan syarat Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang berpuas hati bahawa syarat-syarat dan obligasi kontrak telah dipenuhi sehingga pembekalan yang terakhir dan semua peralatan berkaitan berkeadaan baik serta memuaskan.

18. PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN DAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN

Penyebut harga hendaklah mematuhi segala syarat-syarat berkaitan keselamatan di tapak kerja semasa menjalankan perkhidmatan serta mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan berkuat kuasa semasa peraksanaan perkhidmatan/ pembekalan.

19. PENAMATAN PERKHIDMATAN

Dengan memberi notis bertulis kepada penyebut harga berjaya dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang boleh terus menamatkan perkhidmatan sekiranya penyebut harga gagal memenuhi terma/syarat yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima (LOA).

20. PEMBATALAN SEBUT HARGA

- 20.1 Pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang berhak membatalkan proses sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa sebarang apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak Penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga sendiri.
- 20.2 Sekiranya Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang bercadang untuk membuat pindaan ke atas dokumen tawaran sebut harga ini, maka Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang boleh berbuat demikian dengan mengeluarkan Notis Sebut harga kepada semua penyebut harga sebelum tarikh tutup sebut harga.

21. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA

Jika pembekal mendapati apa-apa percanggahan dalam dokumen sebut harga, pembekal hendaklah merujuk kepada pihak Majlis untuk mendapatkan keputusan.

22. PERUBAHAN ITEM BEKALAN/PERKHIDMATAN

Majlis boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakan sesuatu perubahan bekalan/perkhidmatan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Majlis boleh membatalkan sebutharga ini.

23. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Pembayaran akan dibuat selepas keseluruhan skop kerja selesai dilaksanakan oleh penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga hendaklah mengeluarkan invois kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang untuk tujuan pembayaran.

24. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Penyebut harga hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan bekalan. Pembekal tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

25. TEMPOH PERKHIDMATAN/PEMBEKALAN

Tempoh perkhidmatan/pembekalan hendaklah disempurnakan dalam tempoh sepertimana yang dinyatakan di Lampiran Q.

26 PENGHANTARAN BEKALAN

- 26.1 Penyebut harga yang berjaya mesti membuat penghantaran bekalan atau sebarang ketetapan lain dalam tempoh yang telah ditetapkan sepertimana dinyatakan dalam surat setuju terima (SST).
- 26.2 Sekiranya penyebut harga yang berjaya menjangkakan halangan yang tidak dapat dielakkan akan menyebabkan kelewatan dalam tempoh pelaksanaan yang telah dipersetujui, penyebut harga tersebut hendaklah dengan serta-merta (tidak lebih daripada 7 hari) memaklumkan kepada Majlis tentang kedudukan yang sebenarnya.
- 26.3 Penyebut harga yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barangan tersebut ke lokasi Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

27. PRESTASI BEKALAN

Penyebut harga adalah bertanggungjawab bagi segala prestasi dan jaminan ke atas barangan yang dibekalkan seperti yang telah dimasukkan ke dalam dokumen sebut harga.

28. PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

Bagi mengukuhkan usaha kearah meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan kerajaan, penyebut harga dikehendaki untuk menandatangani *Integrity Pact* berdasarkan Garis Panduan seperti berikut :

- i) Semasa Penghantaran Dokumen Tawaran Oleh Penyebut Harga:
Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa penyebut harga tidak akan menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.
- ii) Semasa Menandatangani Surat Setuju Terima oleh Penyebut Harga berjaya:
Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa penyebut harga yang berjaya tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat

29 AKTA RAHSIA RASMI

Penyebut harga yang berjaya adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan Malaysia bagi setiap maklumat yang diperolehi dari Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang sepanjang tempoh kontrak berkuatkuasa.

30 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Penyebut harga adalah diingatkan mengenai kesalahan rasuah kepada syarikat/ kontraktor/ firma perunding/ penjawat awam atau mana-mana pihak yang berkaitan seperti berikut :

- i) Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Malaysia 2009 (Akta 694)

Any act of attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysia Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694)

- ii) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694)

- iii) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694)

- iv) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (Act 694).

31. DENDA/TOLAKAN/ LIQUIDATED ASCERTAINED DAMAGES (LAD)

31.1 Penyebut harga dikehendaki melaksanakan pembekalan barang/perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti bekalan/ perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MUIP setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MUIP. Sekiranya penyebut harga gagal melaksanakan pembekalan barang/perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MUIP berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan Denda/ Tolakan/ *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) mengikut kadar yang termaktub di dalam kontrak.

- a) Kadar bagi kenaikan LAD untuk bekalan/perkhidmatan (keseluruhan perolehan gagal disempurnakan) adalah seperti berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

- b) Kadar bagi denda untuk perkhidmatan sewaan peralatan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &\text{Perkhidmatan: } A \times B \times C \times 1\% \\ &A : \text{Nilai sewaan peralatan sebulan.} \\ &B : \text{Bilangan hari yang lewat.} \\ &C : \text{Bilangan peralatan} \end{aligned}$$

- c) Sekiranya MUIP mendapati penyebut harga masih gagal meremedikan atau menyempurnakan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab di bawah kontrak ini selepas tempoh yang ditetapkan, MUIP adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini menerusi satu Notis Penamatan kepada penyebut harga.

BARANG –BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

32. CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)

- 32.1 Harga tawaran oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran dan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) secara berasingan.
- 32.2 Sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh penyebut harga termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan serta

Penyebut harga yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka penyebut harga akan ditawarkan dengan nilai tawaran termasuk kenaan CJCP.

32. PEMBUNGKUSAN

- 33.1 Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- 33.2 Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual

34. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DI LUAR NEGARA

35. CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)

- 35.1 Harga tawaran oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran dan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) secara berasingan.
- 35.2 Sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh penyebut harga termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan serta Penyebut harga yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka penyebut harga akan ditawarkan dengan nilai tawaran termasuk kenaan CJCP.⁶

36. MATA WANG

Semua harga yang ditawarkan hendaklah dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)** dan dalam angka yang tepat.

37. PEMBUNGKUSAN

- 37.1 Barangan hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- 37.2 Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- 37.3 Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

SKOP KERJA DAN MAKLUMAT SPESIFIKASI

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC*
DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

BIL	PERKARA	BUTIRAN/SPESIFIKASI
1.	Lesen Microsoft Office 365 Basic	Pakej : - 1 TB Cloud Storage Per User - Chat, call Up to 300 attendees - Web and mobile versions of Word, Excel, PowerPoint, and Outlook only Apps : - Outlook , Word, Excel, Powerpoint, Microsoft Teams, OneDrive, SharePoint, Exchange
2.	Microsoft Power BI Premium	Pakej : - Can Create reports with Power BI Desktop - Can Publish reports to share and collaborate - Advanced AI - Advanced dataflows - Advanced datamarts - XMLA endpoint read/write - Model memory size limit (Varies) - Refresh rate for Power BI datasets - Maximum storage (native storage) – Varies - Have a data security and encryption
3.	Managed Service and Support	

LAMPIRAN Q
(Arahan Perbendaharaan No. 170)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga : **MUIP/SH/2026/001**

(Kew.284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI : PAHANG DARUL MAKMUR

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga

Kepada (Nama Syarikat)

.....

No. Telefon :

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :

.....

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini : 210/03

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh :-

**MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG,
KOMPLEKS ISLAM SULTAN HAJI AHMAD SHAH,
JALAN ISTANA PERMAI,
26600 PEKAN,
PAHANG DARUL MAKMUR**

No. Telefon : **09-4221311**

Tarikh : **02 FEB 2026**

1. Sila beri sebut harga bagi bekalan barang-barang / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.

1.1 Syarat-syarat penyerahan kepada **MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG, KISHAS, JALAN ISTANA PERMAI, 26600 PEKAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

1.2 Tarikh penyerahan / penyempurnaan dikehendaki akan ditentukan kelak oleh **MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**


1.3 Arahan Pengiriman : **SERAHAN TANGAN KE DALAM PETI SEBUT HARGA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

1.4 Sebut harga mestilah di masukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan bertanda nombor sebut harga No. **MUIP/SH/2026/001**

1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari** pada **16 FEB 2026**

1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan



Nama Pegawai : TOK MUDA DATO' HAJI AHMAD HAIRI BIN HUSSAIN,
DSAP.,DIMP.,SAP.,AMP.,PKC

Jawatan : KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG.

Tarikh : **02 FEB 2026**

BIL.	PERIHAL BEKALAN/PERKHIDMATAN DAN SYARAT-SYARAT KHAS	UNIT UKURAN	KUANTITI	HARGA / UNIT (RM)	JUMLAH HARGA (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh penyebut harga	
PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN <i>MICROSOFT OFFICE 365 BASIC</i> DAN <i>MICROSOFT POWER BI PREMIUM</i> UNTUK KEGUNAAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG (NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001) SKOP KERJA DAN MAKLUMAT SPESIFIKASI ADALAH SEPERTIMANA MAKLUMAT DI MUKA SURAT 14					
1.	LESEN PERISIAN <i>MICROSOFT OFFICE 365 BASIC</i>	UNIT	300		
2.	LESEN PERISIAN <i>MICROSOFT POWER BI PREMIUM</i>	UNIT	5		
3.	<i>MANAGE SERVICE AND SUPPORT</i>	L/S			
JUMLAH HARGA KESELURUHAN TIDAK TERMASUK CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)					
JUMLAH CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)					
JUMLAH HARGA KESELURUHAN (RM)					

(RINGGIT MALAYSIA :.....)

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/ penyempurnaan adalah _____MINGGU

Saya/ Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan dibelakang ini.

TANDATANGAN PENYEBUT HARGA :

NAMA & NO KAD PENGENALAN :

TARIKH :

COP SYARIKAT :

Catatan:

- Penyebut Harga wajib mengemukakan bukti pendaftaran dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jika mengenakan Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan (CJCP)
- Tawaran sebut harga tidak akan dipertimbangkan sekiranya terdapat kesilapan pengiraan oleh pihak syarikat; dan
- Tawaran ini tidak akan dipertimbangkan sekiranya pihak syarikat tidak menandatangani lampiran ini

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI
PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC*
DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

ARAHAN:

1. Penyebut harga dikehendaki mengisi jadual di bawah dengan lengkap.
2. Penyebut harga boleh mengemukakan lampiran tambahan jika ruang tidak mencukupi.
3. Jika terdapat perbezaan atau maklumat tambahan kepada spesifikasi, mohon nyatakan secara jelas di ruangan catatan

BIL	BUTIRAN/SPESIFIKASI	PEMATUHAN SPESIFIKASI	
		YA / TIDAK	CATATAN
1.	LESEN <i>MICROSOFT OFFICE 365 BASIC</i>		
1.1	Pakej :		
1.1.1	1 TB Cloud Storage Per User		
1.1.2	Chat, call Up to 300 attendees		
1.1.3	Web and mobile versions of Word, Excel, PowerPoint, and Outlook only		
1.2	Apps :		
1.2.1	Outlook , Word, Excel, Powerpoint, Microsoft Teams, OneDrive, SharePoint, Exchange		
2.	LESEN <i>MICROSOFT POWER BI PREMIUM</i>		
2.1	Pakej :		
2.1.1	Can Create reports with Power BI Desktop		
2.1.2	Can Publish reports to share and collaborate		
2.1.3	Advanced AI		

BIL	BUTIRAN/SPEKIFIKASI	PEMATUHAN SPEKIFIKASI	
		YA / TIDAK	CATATAN
2.1.4	<i>Advanced dataflows</i>		
2.1.5	<i>Advanced datamarts</i>		
2.1.6	<i>XMLA endpoint read/write</i>		
2.1.7	<i>Model memory size limit (Varies)</i>		
2.1.8	<i>Refresh rate for Power BI datasets</i>		
2.1.9	<i>Maximum storage (native storage) – Varies</i>		
2.1.10	<i>Have a data security and encryption</i>		
3.	MANAGED SERVICE AND SUPPORT		

Adalah dengan ini disahkan bahawa tawaran sebut harga adalah mengikut spesifikasi sepertimana yang dinyatakan dalam jadual pematuhan spesifikasi di atas:

TANDATANGAN PENYEBUT HARGA :

NAMA :

NO KAD PENGENALAN :

TANDATANGAN SAKSI :

NAMA :

NO KAD PENGENALAN :

TARIKH :

SURAT AKUAN PEMBIDA

PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC* DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

Saya
Nombor Kad Pengenalan : yang mewakili
..... Nombor Pendaftaran :

dengan ini mengistiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat Pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG** atau mana-mana individu lain sebagai sokongan untuk dipilih dalam sebutharga seperti diatas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan yang Berkuatkuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Cop Syarikat :

- Catatan : i) Potong mana yang tidak berkaitan
ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa.

BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC* DAN
LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS UGAMA
ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
	Tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (Perlu menghantar borang tanpa diisi)

*Tandakan ☐ / ☐

a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu) :

Nama Individu	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Kewarganegaraan

b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat) :

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran bagi Syarikat Asing	Lokasi Syarikat (Nama Negara)

Saya nombor kad pengenalan
yang mewakili syarikat
nombor pendaftaran (*MOF/CIDB/SSM) dengan
sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa senarai pemunya benefisial syarikat
sepertimana diisytiharkan dalam borang ini adalah sama dengan maklumat yang diberikan
kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) [Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta
A1701] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)].

Yang Benar,

.....

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Cap Syarikat :

Catatan:

**Potong mana yang tidak berkenaan

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG
DAN BURUH PAKSA**

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC* DAN
LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS UGAMA
ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

Saya..... No.Kad Pengenalan yang
mewakili(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini
mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa ;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedy; dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1995 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia

Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Kerja 1995 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PEMBEKAL
PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC* DAN
LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS UGAMA
ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

BIL	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Nama Syarikat	
2.	No. Pendaftaran Syarikat	
3.	Alamat Pendaftaran/Syarikat	
4.	Alamat Surat Menyurat	
5.	Alamat Emel	
6.	No. Telefon dan No. Faks Syarikat	
7.	Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan/JKR/KKDN/lain-lain (WAJIB)	
8.	No. Pendaftaran/Kelas (sertakan salinan) (WAJIB)	
9.	Bidang Pendaftaran	
10.	Tarikh daftar dan sah Pendaftaran	
11.	No. Sijil Bumiputera & Tarikh daftar dan sah Pendaftaran	
12.	Hak milik syarikat (Persendirian/Perkongsian/ Koperasi)	
13.	Modal dibenarkan (RM) (Bagi Syarikat Sdn Bhd)	
14.	Modal dibayar (RM) (Bagi Syarikat Sdn Bhd)	
15.	Perniagaan Utama lain (jika ada dan nyatakan sejak bila)	
16.	Kontrak dengan Kerajaan (mohon nyatakan samada syarikat tuan mengalami penggantungan atau penamatan kontrak dengan Kerajaan oleh sebab pelanggaran syarat-syarat kontrak)	

17. Butir-butir Lembaga Pengarah Syarikat :-

BIL	NAMA DAN JAWATAN	NO. KAD PENGENALAN	WARGANEGARA	MODAL SAHAM DIPEGANG
1.				
2.				
3.				

18. Pengurusan Syarikat (gunakan lampiran jika ruangan tidak mencukupi) - **(Sila lampirkan salinan sijil kelulusan professional)**

BIL	NAMA	JAWATAN	PENGALAMAN/ KELULUSAN AKADEMIK/ IKHTISAS
1.			
2.			
3.			

19. Struktur Pengurusan Syarikat :

[EKSEKUTIF]

BIL	TARAF	BIL KAKITANGAN	PERATUSAN (%)
1	Bumiputera		
2	Bukan Bumiputera		
3	Bukan Warganegara		

[BUKAN EKSEKUTIF]

BIL	TARAF	BIL KAKITANGAN	PERATUSAN (%)
1	Bumiputera		
2	Bukan Bumiputera		
3	Bukan Warganegara		

Saya mengaku bahawa keterangan yang diberikan di atas adalah benar.

.....
Tandatangan Penyebut Harga

NAMA :
COP RASMI SYARIKAT :

TARIKH :

**Potong mana yang tidak berkenaan*

SENARAI PENGALAMAN SYARIKAT

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN MICROSOFT OFFICE 365 BASIC DAN LESEN PERISIAN MICROSOFT
POWER BI PREMIUM UNTUK KEGUNAAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

ARAHAN:

Sila nyatakan senarai pengalaman dalam bidang berkaitan seperti jadual di bawah:

BIL	NAMA PEROLEHAN	NAMA JABATAN / AGENSI YANG TERLIBAT	TAHUN PEROLEHAN	CATATAN

PERINGATAN:

1. Senarai pengalaman dalam perkhidmatan tersebut atau yang berkaitan sekurang-kurangnya selama dua (2) tahun lepas (2024/2025) atau semasa (2026).
2. Sila isikan "TIADA" di ruang yang berkenaan sekiranya Penyebut harga tidak mempunyai pengalaman.
3. Sila kemukakan lampiran tambahan sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi.

SALINAN SIJIL-SIJIL DAN BORANG-BORANG PENDAFTARAN BERKAITAN

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC*
DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

ARAHAN:

Penyebut harga hendaklah mengemukakan Salinan Sijil-Sijil Dan Borang-Borang Pendaftaran Berkaitan sepertimana berikut:

- (i) Salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang masih sah dalam kod bidang **210103**.
- (ii) Salinan Sijil “**Taraf Bumiputera**” dari Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).
- (iii) Salinan Sijil Pendaftaran dari **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** atau **Borang D** atau **Borang E** atau Salinan Sijil Pendaftaran dari **Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)** atau **Lesen Perniagaan Berkaitan** berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat.
- (iv) Bagi Syarikat Berhad dan Sendirian Berhad, Penyebut harga **DIKEHENDAKI** memajukan **Borang 8 (Berhad)** atau **Borang 9 (Sendirian Berhad)**; **Borang 24**; dan **Borang 49**; **SSM** atau **Carian SSM e-info**.
- (v) Salinan **Borang 13 SSM** atau **Carian SSM e-info** sekiranya syarikat bertukar nama.
- (vi) Salinan Sijil Pendaftaran **Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan (CJCP)** dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), **jika berdaftar**.
- (vii) Salinan Resit Bayaran Zakat Perniagaan (Syarikat) Bagi Tahun (2025/2026)

SENARAI KERJA DALAM TANGAN

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC*
DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

ARAHAN:

Sila nyatakan senarai kerja-kerja semasa dalam tangan seperti jadual di bawah:

BIL	NAMA PEROLEHAN	TEMPOH	JANGKAAN SELESAI

SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC*
DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

ARAHAN:

Penyebut harga **HENDAKLAH** mengemukakan Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi **tiga (3) bulan terakhir** bagi bulan **NOVEMBER 2025, DISEMBER 2025 Dan JANUARI 2026.**

**LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN
SYARIKAT/KEMUDAHAN KREDIT (JIKA ADA)**

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC*
DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

ARAHAN:

1. Penyebut harga **HENDAKLAH** mengemukakan surat daripada Bank/ Institusi Kewangan mengenai kemudahan kredit yang diterima daripada Bank/ Institusi Kewangan yang berkenaan **sekiranya ada**.
2. Surat ini **HENDAKLAH** dikeluarkan oleh Bank/ Institusi Kewangan yang berkenaan.

**SURAT SOKONGAN SEBAGAI PENGELUAR/PRINSIPAL/PENGEDAR TUNGGAL /EJEN
YANG SAH**

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC*
DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

ARAHAN:

Penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan **SURAT SOKONGAN SEBAGAI
PENGELUAR/ PRINSIPAL/ PENGEDAR TUNGGAL /EJEN YANG SAH.**

**SILA MAJUKAN SURAT SOKONGAN SEBAGAI PENGELUAR/
PRINSIPAL/ PENGEDAR TUNGGAL /EJEN YANG SAH
(WAJIB DISERTAKAN)**

SENARAI AHLI PASUKAN PERKHIDMATAN

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN MICROSOFT OFFICE 365 BASIC DAN LESEN PERISIAN MICROSOFT
POWER BI PREMIUM UNTUK KEGUNAAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

ARAHAN:

- (i) Penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan maklumat berkenaan ahli-ali pasukan perkhidmatan ini dengan lengkap seperti jadual di bawah.
- (ii) Penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan Curriculum Vitae (CV) bagi setiap ahli pasukan perkhidmatan yang disenaraikan di dalam jadual di bawah.

BIL	NAMA	KELULUSAN AKADEMIK/NAMA SIJIL POFESSIONAL &	BIDANG PENGKHUSUSAN/ KEPAKARAN	TEMPOH PENGALAMAN DALAM BIDANG BERKAITAN	TEMPOH TELAH BERKHIDMAT DENGAN SYARIKAT PENYEBUT HARGA	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DALAM PROJEK INI

PERINGATAN:

1. Sila kemukakan lampiran tambahan sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi
2. Penyebut harga tidak dibenarkan **MENCATAT NAMA SYARIKAT ATAU SEBARANG TANDA PENGENALAN NAMA SYARIKAT** dalam dokumen ini.

CADANGAN LATIHAN ATAU TRANSFER OF TECHNOLOGY (TOT)

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN MICROSOFT OFFICE 365 BASIC DAN LESEN PERISIAN MICROSOFT
POWER BI PREMIUM UNTUK KEGUNAAN MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

ARAHAN:

Sila nyatakan keterangan latihan dan/atau TOT yang ditawarkan di dalam jadual di bawah:

BIL	NAMA TOT / LATIHAN	OBJEKTIF TOT / LATIHAN	TEMPOH (HARI)	BILANGAN PESERTA	TENAGA PENGAJAR BERTAULIAH (YA / TIDAK)

PERINGATAN:

1. Sila kemukakan lampiran tambahan sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi
2. Penyebut harga tidak dibenarkan **MENCATAT NAMA SYARIKAT ATAU SEBARANG TANDA PENGENALAN NAMA SYARIKAT** dalam dokumen ini

PROFIL SYARIKAT

**PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT OFFICE 365 BASIC*
DAN LESEN PERISIAN *MICROSOFT POWER BI PREMIUM* UNTUK KEGUNAAN MAJLIS
UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG**

(NO. SEBUT HARGA : MUIP/SH/2026/001)

ARAHAN:

1. Penyebut harga **HENDAKLAH** mengemukakan Profil Syarikat yang terkini.